

Ibu bapa berperanan penting banteras dadah

July 7, 2015, Tuesday

Mereka harus peka beri perhatian sepenuhnya seperti melibatkan diri dalam program anjuran kerajaan

Oleh Kepu Sidi //

SARIBAS : Ibu bapa perlu menyertai penduduk kampung berperanan membanteras dadah dan harus peka memberi perhatian sepenuhnya seperti melibatkan diri dalam apa jua program yang dianjurkan kerajaan, khususnya berkaitan masalah ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Saribas Mohamad Razi Sitam berkata, ibu bapa perlu peka untuk mengetahui dengan meluas bahaya dadah kerana dikhuatiri menular dalam masyarakat .

“Masyarakat harus memberi kerjasama sepenuhnya untuk membanteras gejala penyalahgunaan najis dadah kerana kesannya yang tidak baik bukan sahaja kepada negara tetapi individu yang terjerumus akan menghadapi tekanan hidup sepanjang masa,” katanya.

Jelasnya, setiap program melibatkan ceramah berkaitan dadah perlu disertai ibu bapa supaya mengetahui risiko sebenar bahaya dadah.

“Kerajaan menerusi agensinya, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) memperhebat program membasmi dadah kerana mahu masyarakat menyedari betapa besar risiko apabila terjebak dalam kancah tidak sihat ini,” katanya.

Razi berkata demikian pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Pelancaran Skuad 1Malaysia anjuran bersama AADK Sarawak di Dewan Sri Rimbis, SK Tuie dekat sini, baru-baru ini.

Katanya masyarakat harus berusaha memperkasa dan menyiapkan diri dengan sekukuhnya untuk membanteras gejala tidak sihat ini daripada terus merebak dan memusnahkan golongan muda masa kini.

“Bayangkan ibu bapa yang mengabaikan tanggungjawab, pasti mendorong anak-anak terjerumus dengan dadah sedangkan mereka tidak tahu kesannya yang boleh menggelapkan masa depan.

“Saya memuji penganjuran program ini yang sekurang-kurangnya masyarakat terutama penduduk di taman perumahan mendapat pendedahan selain maklumat tentang bahaya dadah dan bagaimana membanterasnya,” katanya.

Jelasnya, usaha membanteras dadah perlu dengan memupuk kerjasama setiap anggota masyarakat memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing.

“Apabila ini dapat dilakukan, saya percaya ia memudahkahkan usaha kerajaan mengatasi masalah dadah di kalangan masyarakat hari ini,” jelasnya.

Dalam program yang mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk Kampung Tuie itu,

AADK telah menyampaikan ceramah ringkas mengenai masalah dadah dan usaha-usaha berterusan untuk membanterasnya.

Selain itu diadakan pameran berkaitan dadah bagi melihat secara lebih dekat akibat kesan selain maklumat usaha membanteras gejala itu dan pelancaran Skwad 1Malaysia oleh agensi berkenaan.

Pada majlis tersebut, Razi turut menyampaikan sumbangan kepada pelajar cemerlang dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014.

Antara program yang dijalankan sepanjang dua hari tersebut ialah pameran dan infomasi oleh AADK, senaman cergas 1Malaysia, cabutan bertuah, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak prasekolah, pertandingan gubahan bunga asli, kuiz antidadah, ceramah AADK, permainan dadu ajaib dan pertandingan karaoke Kilauan Emas dan Sensasi, perkongsian pengalaman (bekas penagih dadah), tayangan AKAD dan persembahan Skwad 1Malaysia.

Turut hadir Pegawai AADK Sapini Jalani, Guru Besar SK Tuie Julaihi Nu dan ketua-ketua masyarakat.